

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 9 JUN 2014 (ISNIN)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Ambil langkah awal pelihara kawasan terumbu karang	Harian Metro
2	Ambil langkah awal jaga terumbu karang	Utusan Malaysia
3	Minister: Malaysia supports global efforts to safeguard oceans	The Star
4	'El Nino threat far-reaching'	The Sun
5	Ocean Pride	New Straits Times
6	S&T : Inovasi tulang tiruan	Utusan Malaysia
7	Bonigent sebagai pengganti	Utusan Malaysia
8	AOCRIP kukuh jalinan kerjasama saintis radioaktif	Utusan Malaysia
9	MARDI serlahkan kecemerlangan	Utusan Malaysia
10	El Nino sudah mula dirasai	Berita Harian
11	Water levels safe despite expected dry weather	The Malay Mail
12	JMM fail saman Cadbury	Sinar Harian
13	Nafi dakwaan Huntley dibunuh	Harian Metro
14	Huntley death probe	The Sun
15	Remaja perlu didedah isu jenayah siber	Sinar Harian

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 17**  
**TARIKH: 09 JUN 2014 (ISNIN)**

**Kuala Lumpur:** Kerajaan di-saran mengambil langkah awal bagi memulihara kawasan terumbu karang di kebanyakan pulau di negara ini terutama di Pantai Timur serta Sabah yang terdedah dengan fenomena El Nino yang dijangka berlaku dalam masa terdekat.

Mantan Ketua Bahagian Direktorat Oseanografi Kebangsaan, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar berkata, berdasarkan kajian pada tahun sebelum ini kenaikan suhu permukaan air laut disebabkan fenomena itu di kawasan seperti Pulau Tioman, Pahang, Johor, Terengganu dan Sabah mengakibatkan pemutihan terumbu karang.

"Kerajaan perlu bersiap sedia dengan merangka pelan kecemasan untuk memastikan impak El Nino kepada terumbu karang dapat dikurangkan.

"Jika fenomena itu berlaku, kerajaan perlu mengawal kawasan yang mungkin terjejas disebabkan kita sudah tahu kawasan mana yang terpelihara.

"Kita memang sudah jangka keadaan itu akan berlaku di kawasan terumbu karang terbabit, jadi kita perlu lihat terumbu karang yang boleh diselamatkan, spesies terancam dan juga tahan lasak untuk terus dipelihara untuk masa akan



**DR Ewon (tiga dari kiri) pada majlis perasmian Sambutan Hari Lautan Sedunia 2014.**

## **Ambil langkah awal pelihara kawasan terumbu karang**

datang," katanya pada majlis perasmian Sambutan Hari Lautan Sedunia 2014 di Pusat Sains Negara di sini, semalam.

Majlis disempurnakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin.

Turut hadir, Ketua Setia-usaha MOSTI Datuk Dr Rosli Mohamed, Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu Prof Madya Dr Effendy Abd Wahid dan Pengerah Pusat Sains Negara Prof Madya Dr Irmawati

Ramli.

Terdahulu dalam ucapannya Ewon berkata, semua pihak diseru meningkatkan kesedaran pemeliharaan rantaian ekosistem lautan dan sumbernya agar dapat memberi kesan positif kepada generasi akan datang apabila kelangsungan sumber makanan laut terjamin.

Beliau berkata, pemusnahan habitat marin akibat tindakan manusia yang tidak dikawal di perairan negara boleh mengancam spesis marin tempatan.

# KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 24 TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)



KERAJAAN perlu bersiap sedia dengan merangka pelan kecemasan untuk memastikan terumbu karang di negara ini terselamat daripada ancaman El Nino.



SERPIHAN terumbu karang yang patah dan mati bersepah dihanyutkan ombak di tepi pantai di beberapa kawasan pulau di negara ini kesan daripada kejadian El Nino tahun lalu.

## Ambil langkah awal jaga terumbu karang

KUALA LUMPUR 8 Jun - Kerajaan disaran mengambil langkah awal bagi memulihara kawasan terumbu karang di kebanyakan pulau di negara ini terutama di pantai timur serta Sabah yang terdedah kepada fenomena El Nino yang dijangka berlaku tidak lama lagi.

Bekas Ketua Bahagian Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Prof. Datuk Dr. Nor Aieni Mohhtar berkata, berdasarkan ka-

jian pada tahun sebelum ini, banyak kawasan terumbu karang di Pulau Tioman, Pahang, Johor, Terengganu serta Sabah terdedah kepada pencemaran akibat fenomena tersebut.

Beliau berkata, kerajaan perlu bersiap sedia dengan merangka pelan kecemasan untuk memastikan impak kejadian El Nino dapat dikurangkan di kawasan terumbu karang di negara ini.

"Jika fenomena El Nino berlaku, kerajaan perlu mengawal kawasan-

kawasan yang mungkin terjejas disebabkan kita sudah mengetahui kawasan mana yang boleh dipulihara.

"Kita lihat kawasan terumbu karang yang mana boleh diselamatkan serta tahan lasak untuk dipulihara bagi manfaat generasi akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam majlis Sambutan Hari Lautan Sedunia 2014 di Pusat Sains Negara, di sini hari ini.

Pelancaran majlis tersebut di-  
sempurnakan oleh Menteri Sains,  
Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr.  
Ewon Ebin.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha  
kementerian berkenaan, Datuk  
Dr. Rosli Mohamed; Timbalan Naib  
Canselor (Penyelidikan dan Inova-  
si) Universiti Malaysia Terengganu,  
Prof. Dr. Effendy Abdul Wahid dan  
Pengarah Pusat Sains Negara, Prof.  
Madya Dr. Irmawati Ramli.

Sementara itu, Ewon dalam uca-

pan perasmian menyeru semua  
pihak meningkatkan kesedaran  
dalam menjaga ekosistem lautan  
dan sumbernya untuk manfaat  
generasi akan datang.

Beliau berkata, pemusnahan  
habitat marin akibat tindakan  
manusia yang tidak dikawal khu-  
susnya di perairan negara boleh  
mengancam spesies hidupan marin  
tempatan.

"Dalam usaha memulihara lau-  
tan melalui pendekatan sains dan

teknologi, kementerian menyedia-  
kan dana penyelidikan kepada para  
penyelidik dan saintis tempatan  
dalam bidang sains marin dan ose-  
anografi khususnya dalam aspek  
penjagaan ekosistem laut di Malay-  
sia," katanya.

Tambah beliau, di bawah Ran-  
gangan Malaysia Ke-10, kement-  
erian juga telah meluluskan dan  
memantau sebanyak 56 projek pe-  
nyelidikan dengan jumlah peruntu-  
kan sebanyak RM15.71 juta.

**KERATAN AKHBAR**  
**THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 12**  
**TARIKH: 09 JUN 2014 (ISNIN)**

**Minister: Malaysia supports global efforts to safeguard oceans**

**KUALA LUMPUR:** Malaysia supports global efforts to safeguard, preserve and conserve the ecosystem of the world's oceans and resources for the benefit of future generations, says Science, Technology and Innovation Minister Datuk Ewon Ebin.

This is consistent with the theme *Together We Have the Power to Protect the Ocean* to mark World Ocean Week this year, he said.

The event is an annual observa-

tion on June 8 to honour the world's oceans, celebrate the products the ocean provides and also a time to appreciate its own intrinsic value.

Ewon pointed out that 70% of the world's surface is covered by oceans and seas, adding that global pollution and over-fishing had resulted in drastically dwindling population of marine life, particularly among maritime nations.

"The destruction of marine habi-

tats, climate changes and ocean acidification are on the increase.

"Also, problems like rising sea levels and dumping of alien species into local waters that threaten marine life cannot be taken lightly," he said when launching the national-level World Ocean Day here yesterday.

He said Malaysia, which sits on the executive council of the Inter-Governmental Oceanographic

Commission (IOC) under Unesco, held steadfast to the United Nations Law of the Sea and supported the annual World Oceans Day.

He conceded that more trans-boundary cooperation was needed at the regional and international levels and, in this context, Malaysia took part in several large-scale initiatives to restore marine ecosystems.

"Among them are the Coral

Triangle Initiative (CTI), Sulu Sulawesi Marine Ecoregion and Bay of Bengal-Large Marine Ecosystem," he said.

On the CTI, Ewon said it involved Malaysia and five other countries – Indonesia, the Philippines, Timor Leste, the Solomon Islands and Papua New Guinea – pertaining to fisheries management, marine protection, climate change and threatened species.

